

Penilaian Tahap Pembelajaran Mengenai Isu HIV/AIDS Dalam Kalangan Pegawai Agama Di Malaysia

Hazlin Kadir @ Shahar

Razaleigh Muhamat@Kawangit

Rosmawati Mohamad Rasit

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Baldhisham Mohd Nasir

Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Pembelajaran secara formal mengenai isu HIV/AIDS sangat penting untuk mendapat maklumat yang tepat, pemahaman yang menyeluruh seterusnya menggerakkan usaha menangani gejala tersebut secara lebih efisien. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk membuat penilaian program latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dari aspek tahap pembelajaran peserta berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada kandungan program dan temu seru (*outreach*). Kajian ini dijalankan melalui pendekatan kuantitatif dengan mengaplikasikan Model Penilaian Kirkpatrick (1959). Data dikumpul melalui kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 350 orang Pegawai Agama daripada dua belas kategori yang telah mendapat latihan dari tahun 2011 sehingga 2014. Mereka dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Perisian SPSS 22.0 digunakan untuk menganalisis data secara statistik deskriptif. Dapatan kajian mendapati skor min tahap pembelajaran Pegawai Agama daripada maklumat yang diperoleh melalui kandungan program dan temu seru adalah tinggi iaitu 4.20 dan 4.10.

Kata kunci: Program latihan, Penilaian pembelajaran, Pegawai Agama, ODHA

ABSTRACT

Formal learning on the issues of HIV/AIDS is very important in order to get accurate information, comprehensive understanding and efforts to address these symptoms efficiently. Thus, the objective of this study is to evaluate the level of participants' learning of the Manual on Islam and HIV / AIDS training programme based on information obtained from the contents of the programme and from the outreach activities. The study was conducted through quantitative approach by applying Kirkpatrick Evaluation Model (1959). Data were collected through survey method by distributing questionnaires to 350 Religious Officers from twelve categories that had been trained from 2011 until 2014. They were selected through random sampling techniques. SPSS 22.0 software was used to analyze the data using descriptive statistics. Results showed that the mean score of the Religious Officers' learning level from information acquired through the contents of the programme and outreach activities were at 4.20 and 4.10.

Keywords: Training programme, Learning evaluation, Religious Officers, PLWHA

PENDAHULUAN

Pelaksanaan program latihan dan pembangunan dalam sesebuah organisasi merupakan suatu inisiatif yang signifikan dengan pembangunan modal insan. Ia dilihat sebagai pemangkin dalam merealisasikan matlamat organisasi kerana berupaya meningkatkan tahap kecekapan dan kemahiran staf dalam bidang masing-masing (Ibrahim 2001; Ab Aziz 2002; Norhasni 2014; Abdul Ghafar et al. 2015). Hal ini bertepatan dengan tuntutan Islam yang menggalakkan pembangunan modal insan. Menurut perspektif Islam, pembangunan modal insan merupakan proses pembinaan secara holistik ke arah keunggulan peribadi iaitu dari segi penguasaan ilmu, kemahiran dan akhlak yang mulia (Razaleigh 2011)

Pelaksanaan program latihan yang berkesan memerlukan kepada beberapa elemen. Antara yang terpenting ialah pengisian dalam latihan itu sendiri termasuklah kurikulum secara teori dan praktikal yang digunakan sebagai asas bahan pembelajaran dalam latihan tersebut. Peserta yang menghadiri program latihan sepatutnya melalui proses pembelajaran atau pengalaman bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran baru yang akan dapat mengubah sikap dan tingkah laku secara berterusan dan tekal. Ini bertepatan dengan takrifan yang dikemukakan oleh Kamaruzaman et al. (2012) bahawa merupakan perubahan pemikiran, kebolehan, dan perangai seseorang yang bukan disebabkan oleh proses tumbesaran. Perubahan itu biasanya merupakan pertambahan kebolehan bagi sesuatu perbuatan atau pekerjaan yang berkaitan dengan minat, sikap, atau nilai seseorang. Ekoran daripada itu, penilaian program merupakan perkara yang sering diam bil berat apabila melaksanakan sebarang program latihan kerana ia umpama nadi dalam menentukan sama ada latihan tersebut benar-benar berjaya atau sebaliknya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, proses pembelajaran merujuk kepada program latihan yang diikuti oleh Pegawai Agama di Malaysia berpandukan Manual Islam dan HIV/AIDS yang telah dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis AIDS Malaysia. Manakala penilaian pembelajaran pula merujuk kepada Model Penilaian Kirkpatrick yang menaksirkan adakah prinsip, fakta, dan teknik dapat difahami serta dihayati oleh peserta melalui latihan yang telah diikuti (Kirkpatrick 1987).

Manual Islam dan HIV/AIDS tersebut mengandungi lapan modul iaitu; Modul 1 : HIV/AIDS : Pengenalan Asas, Modul 2 : Fakta dan Perangkaan HIV/AIDS, Modul 3 : Pencegahan, Modul 4 : Sokong Bantu dan Rawatan, Modul 5 : Stigma (Prasangka Buruk) dan Diskriminasi, Modul 6 : Tugas dan Tanggungjawab Umat Islam Di Dalam Memerangi HIV/AIDS, Modul 7 : Pengurusan Jenazah dan Modul 8 : Pelan Tindakan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2009). Program ini juga menjadi satu medium terbaik bagi pegawai-pegawai agama untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada pakar-pakar perubatan, aktivis Majlis AIDS Malaysia dan para agamawan sendiri mengenai isu HIV/AIDS. Pendedahan suatu ilmu baru yang sebelum ini tidak pernah dipelajari dalam kalangan peserta merupakan satu pengalaman yang unik dan menarik. Latihan ini juga turut menjadualkan program temu seru (*outreach*) iaitu peserta dibawa turun padang mendekati Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) di rumah-rumah perlindungan mahupun di lorong-lorong. Selain itu, lawatan ke Jabatan Forensik hospital terpilih bagi tujuan mempelajari pengurusan jenazah berisiko tinggi atau meninggal dunia kerana AIDS turut dijadualkan dalam program latihan tersebut.

PERNYATAAN MASALAH

HIV dan AIDS bukanlah suatu perkara atau isu baharu di Malaysia. Seawal tahun 1986 lagi, kes HIV/AIDS telah dikesan di negara ini catatan tiga kes HIV dicatatkan dan satu kes AIDS malah merekodkan satu kematian. Jumlah ini semakin menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Secara kumulatif sejak tahun 1986 sehingga Disember 2014, rekod Kementerian Kesihatan Malaysia (2015) mencatatkan seramai 105,189 orang mendapat jangkitan HIV dan seramai 21,384 orang mendapat AIDS. Jumlah kematian yang direkodkan akibat HIV/AIDS pula adalah sebanyak 17,096 kes. Melalui data tersebut, didapati sebahagian besar daripada mereka adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Etnik Melayu mewakili sebanyak tujuh puluh peratus daripada 101,672 jangkitan HIV yang dilaporkan pada tahun 2013. Manakala etnik lain seperti Cina mewakili lima belas peratus, India sebanyak lapan peratus, warga asing sebanyak empat peratus dan lain-lain etnik sebanyak tiga peratus (Majlis AIDS Malaysia (MAC) dan Yayasan AIDS Malaysia (MAF) 2013). Menyedari bahawa orang Islam di Malaysia menunjukkan peratusan yang agak tinggi HIV positif dan menghidap AIDS, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi yang menyelaraskan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia bertanggungjawab menyusun strategi bagi menangani isu HIV/AIDS.

Sebahagian besar ODHA berkaitan dengan mereka yang terlibat dengan aktiviti berisiko seperti pengguna dadah, pekerja seks dan LGBT (*Lesbian, Gay, Biseksual* dan *Transseksual*) (Brown 2002; Tham dan Hasmah 2013). Namun begitu, dewasa ini terdapat juga golongan isteri atau suri rumah mendapat jangkitan HIV melalui suami serta bayi dan kanak-kanak yang dijangkiti virus ini menerusi ibu bapa mereka. Malah terdapat juga sebilangan kecil kes golongan yang dijangkiti HIV menerusi pemindahan darah (Muhammad 2012). Sehubungan itu, sikap prejudis perlu dielakkan dan pengendalian ODHA dari pelbagai latar belakang perlu dijalankan secara berkemahiran serta berhikmah.

Melalui program berbentuk penyampaian maklumat yang tersusun seperti pelaksanaan program latihan Manual Islam dan HIV/AIDS ini, tanggapan negatif terhadap ODHA dan salah faham terhadap HIV/AIDS dapat diperbetulkan. Pengetahuan dan maklumat yang tepat mengenai isu HIV/AIDS memerlukan perhatian serius. Hal ini adalah kerana isu HIV/AIDS didapati masih belum difahami secara komprehensif (Fatan Hamamah 2005). Malah di kebanyakan negara Asia, maklumat mengenai HIV/AIDS masih belum sampai sepenuhnya terutama di kawasan luar bandar (Brown 2002). Sebagai contoh di India, hanya seramai 40 peratus sahaja wanita berkahwin pernah mendengar mengenai HIV/AIDS. Manakala di Malaysia sendiri, dapatan kajian Rozina (2009) mengenai pengetahuan, sikap, dan amalan berkaitan HIV/AIDS dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar UPM terhadap HIV/AIDS adalah tidak memuaskan. Beliau menyarankan supaya program-program pendidikan mengenai cara-cara menghindari HIV/AIDS dapat dilaksanakan untuk mengatasi beberapa kelemahan sebagaimana penemuan dalam kajian beliau seperti tahap pengetahuan mengenai HIV/AIDS yang rendah, pengetahuan mengenai penggunaan kondom untuk mengelak jangkitan HIV dan ujian saringan HIV secara sukarela.

Pandangan ini disokong oleh kajian Sulaiman et al (2010) tentang keberkesanan pembelajaran kesihatan mengenai HIV/AIDS dalam kalangan pelajar UKM Bangi. Kajian tersebut mendapati bahawa, strategi utama mengatasi masalah HIV/AIDS adalah meningkatkan taraf kesihatan setiap individu melalui pembelajaran kesihatan mengenai HIV/AIDS itu sendiri. Justeru, dapatlah dirumuskan betapa keberkesanan sesuatu

pembelajaran itu amat penting diberi perhatian sewajarnya bagi tujuan meningkatkan pengetahuan, sikap, dan juga amalan yang lebih sihat. Maka, strategi yang mantap dan efektif perlu diaplikasikan dalam proses pembelajaran darisemasa ke semasa di samping menambahkan pengetahuan dari segi jangkitan dan pencegahannya. Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa pengetahuan mengenai HIV/AIDS selepas proses pembelajaran meningkat sekitar 15 peratus hingga ke 30 peratus dan sikap negatif terhadap penderita HIV/AIDS turut berkurangan.

Malangnya, tidak dapat dinafikan bahawa kita masih kekurangan akses untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai HIV/AIDS. Ini akan membuka ruang kepada salah faham atau pandangan serong daripada masyarakat mahupun ahli keluarga ODHA sendiri. Ikizoglu (2005) berpandangan, maklumat dan pengetahuan yang terhad mengenai HIV/AIDS akan menimbulkan ketakutan serta panik dan akhirnya menyumbang kepada kerengangan hubungan sosial dalam masyarakat. Pernyataan ini disokong oleh Surgevil dan Akyol (2011) dan Rusli et al (1997) yang menyatakan bahawa kejahilan mengenai HIV/AIDS boleh membawa kepada stigma dan diskriminasi kepada ODHA. Kesimpulannya, maklumat tepat dan pengetahuan mendalam mengenai sesuatu isu adalah sangat penting bagi mengubah perspektif dan tingkah laku seseorang ke arah yang lebih positif.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan membuat penilaian Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dalam kalangan Pegawai Agama di Malaysia. Objektif yang ingin dicapai adalah untuk:

- 1) Mengetahui tahap pembelajaran peserta berkenaan maklumat yang diperoleh daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS.
- 2) Mengetahui tahap pembelajaran peserta berkenaan maklumat yang diperoleh daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS.

METODOLOGI

Reka bentuk, Prosedur dan Sampel Kajian

Pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan diaplikasikan dalam kajian ini. Borang kaji selidik bertajuk Penilaian Terhadap Program Latihan Manual Islam Dan HIV/AIDS Dalam Kalangan Pegawai Agama Di Malaysia diedarkan sebagai instrumen pengumpulan data. Penggunaan soal selidik adalah salah satu daripada kaedah yang popular dalam kalangan pengkaji kerana ia mudah ditadbir dengan baik, di samping memudahkan data diproses dan dianalisis. Kandungan sesuatu soal selidik mesti komprehensif dan segala faktor meliputi konsep yang ingin dikaji perlu diambil kira (Mohamad Najib 1999). Untuk itu, penambahbaikan telah dilakukan terhadap soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dengan mengadaptasi beberapa item daripada instrumen Kamaruzaman (2009).

Pengkaji telah turut serta dalam Program Latihan Manual Islam Dan HIV/AIDS yang diadakan oleh Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial Dan Komuniti, JAKIM yang dijalankan pada tahun 2013 dan 2014 untuk melaksanakan kajian ini. Borang soal selidik diedarkan kepada setiap sampel yang dipilih sebelum program latihan bermula dan mereka diminta mengembalikan semula kepada pengkaji selepas program latihan berakhir. Bagi sampel yang mendapat latihan pada tahun 2011 dan 2012, pengkaji menghubungi mereka sama ada melalui telefon atau mengirim borang kaji selidik dengan

menyertakan sampul surat berselem dan beralamat sendiri. Sampel diminta mengirim semula borang kaji selidik yang lengkap diisi kepada pengkaji.

Secara khusus dan lebih jelas sampel kajian ialah seramai 350 orang Pegawai Agama yang terdiri daripada 12 kategori iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pegawai Jabatan Mufti, Pegawai Tadbir Agama Negeri, Pegawai Penyelaras Masjid, Imam Masjid Negeri, Imam Masjid Daerah, Imam Masjid Kariah, Imam Surau, Guru Takmir Masjid / Surau dan Guru Kelas Al Quran dan Fardu Ain (KAFAs) yang telah diberi latihan menerusi program latihan Manual Islam dan HIV/AIDS anjuran JAKIM daripada tahun 2011 sehingga 2014. Mereka dipilih secara rawak mudah melalui senarai nama semua populasi 639 orang Pegawai Agama yang telah menghadiri latihan dalam tempoh tersebut bagi mewakili 6 zon. Kategori zon tersebut ialah Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan), Zon Tengah (Kuala Lumpur, Selangor dan Perak), Zon Utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang), Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan (1970) untuk mendapat peruntukan bagi margin 5% kesilapan, 242 saiz sampel diperlukan bagi jumlah populasi 639 orang tersebut. Sehubungan itu, 350 sampel telah menepati prosedur persampelan dan dipilih mewakili populasi Pegawai Agama berkenaan. Jadual 1 di bawah memperincikan jumlah sampel mengikut zon dan tahun sampel mendapat latihan.

Jadual 1 Jumlah sampel kajian tahun 2011 hingga 2014

Tahun	Zon Utara	Zon Tengah	Zon Selatan	Zon Timm	Zon Sarawak	Zon Sabah
2011	-	9	-	11	-	4
2012	16	26	34	10	22	-
2013	20	9	16	-	-	-
2014	15	-	34	66	24	34
Jumlah	51	44	84	87	46	38
					JUMLAH	350

Sumber Data Lapangan

Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan ini terdiri daripada lima konstruk iaitu demografi, penilaian reaksi peserta, penilaian pembelajaran peserta, penilaian tingkah laku peserta, dan penilaian hasil program. Penulisan artikel ini hanya melibatkan data daripada Bahagian A iaitu Demografi Peserta (6 item) dan Bahagian B2 iaitu Penilaian Pembelajaran Peserta (12 item). Bagi menilai pembelajaran berkenaan maklumat yang diperoleh daripada kandungan program, skala likert lima pilihan digunakan bagi sampel menyatakan darjah persetujuan mereka terhadap item yang dikemukakan sama ada 5 (Sangat Memuaskan - SM), 4 (Memuaskan - M), 3 (Sederhana - S), 2 (Tidak Memuaskan - TM) atau 1 (Sangat Tidak Memuaskan - STM). Manakala bagi menilai pembelajaran peserta berkenaan maklumat yang diperoleh daripada temu seru, skala respon pilihan adalah 5 (Sangat Setuju - SS), 4 (Setuju - S), 3 (Tidak Pasti - TP), 2 (Tidak Setuju - TS) atau 1 (Sangat Tidak Setuju - STS).

Penganalisan Data Kajian

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 22.0 untuk mendapatkan peratusan, frekuensi serta bacaan min dan sisihan piawaian. Analisis peratusan dan frekuensi dilakukan untuk menjelaskan demografi sampel kajian manakala analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawaian telah dijalankan

untuk menentukan tahap pembelajaran isu HIV/AIDS oleh Pegawai Agama berpandukan maklumat yang diperoleh daripada kandungan program dan temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS yang diterbitkan oleh JAKIM. Nilai min yang diperoleh bagi setiap faktor kemudian ditafsirkan mengikut skala yang ditetapkan sebagai ukuran. Interpretasi tahap julat skor min adalah berdasarkan Jadual 2 berikut:

Jadual 2 Interpretasi julat skor min

Julat	Tahap Skor Min
1.00 - 1.80	Sangat Rendah
1.81 - 2.60	Rendah
2.61 - 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber Data lapangan

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Sampel Kajian

Jadual 3 Profil demografi sampel kajian

Profil	Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	278	79.4%
	Perempuan	72	20.6%
Umur	21 hingga 25 tahun	4	1.1%
	26 hingga 30 tahun	57	16.3%
	31 hingga 35 tahun	60	17.1%
	36 hingga 40 tahun	36	10.3%
	41 hingga 45 tahun	53	15.1%
	46 hingga 50 tahun	44	12.6%
	51 tahun keatas	96	27.4%
Kategori peserta	Pegawai Hal Ehwal Islam	43	12.3%
	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	50	14.3%
	Pembantu Hal Ehwal Islam	55	15.7%
	Pegawai Jabatan Mufti	9	2.6%
	Pegawai Ta'dbir Agama Negeri	2	0.6%
	Pegawai Penyelaras Masjid	11	3.1%
	Imam Masjid Negeri	4	1.1%
	Imam Masjid Daerah	40	11.4%
	Imam Masjid Kariah	74	21.1%
	Imam Surau	13	3.7%
	Guru Takmir / Surau	25	7.1%
	Guru KAFKA	24	6.9%
Tahap pendidikan formal	Sekolah rendah	19	5.4%
	SRP/PMR	27	7.7%
	SFM	96	27.4%
	STPM	26	7.4%
	Diploma	83	23.7%
	Ijazah Sarjana Muda	84	24.0%
	Ijazah Sarjana	14	4.0%
	Ijazah Doktor Falsafah	1	0.3%

Tahap pendidikan pengajian Islam	Tiada	5	1.4%
	Sekolah Rendah	17	4.9%
	SRP / PMR	21	6.0%
	SPM	83	23.7%
	SMU	19	5.4%
	STAM	24	6.9%
	Empat Thanawi	41	11.7%
	Sijil Tahfiz	11	3.1%
	Diploma	44	12.6%
	Ijazah Sarjana Muda	76	21.7%
	Ijazah Sarjana	9	2.6%
Pengalaman berkhidmat sebelum menghadiri latihan	1 hingga 5 tahun	128	36.6%
	6 hingga 10 tahun	72	20.6%
	11 hingga 15 tahun	62	17.7%
	15 hingga 20 tahun	29	8.3%
	20 hingga 25 tahun	25	7.1%
	25 tahun keatas	34	9.7%

Sumber Soal Selidik 2013

Jadual 3 menunjukkan bahawa sampel kajian terdiri daripada 278 orang peserta lelaki (79.4%) dan 72 orang peserta perempuan (20.6%). Berdasarkan umur, seramai 4 orang peserta (1.1%) berumur 21 hingga 25 tahun, 57 orang (16.3%) berumur 26 hingga 30 tahun, 60 orang (17.1%) berumur 31 hingga 35 tahun, 36 orang (10.3%) berumur 36 hingga 40 tahun, 53 orang (15.1%) berumur 41 hingga 45 tahun, 44 orang (12.6%) berumur 46 hingga 50 tahun dan 96 orang (27.4%) berumur 51 tahun ke atas.

Seterusnya dari aspek kategori peserta pula, seramai 43 orang (12.3%) adalah merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam, 50 orang (14.3%) adalah Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, 55 orang (15.7%) adalah Pembantu Hal Ehwal Islam, 9 orang (2.6%) adalah Pegawai Jabatan Mufti, 2 orang (0.6%) adalah Pegawai Tadbir Agama Negeri, 11 orang (3.1%) adalah Pegawai Penyelaras Masjid, 4 orang (1.1%) adalah Imam Masjid Negeri, 40 orang (11.4%) adalah Imam Masjid Daerah, 74 orang (21.1%) adalah Imam Masjid Kariah, 13 orang (3.7%) adalah Imam Surau, 25 orang (7.1%) adalah Guru Takmir / Surau dan 24 orang (6.9%) peserta kategori Guru KAFIA.

Profil sampel kajian juga menunjukkan seramai 19 orang (5.4%) daripada peserta mendapat pendidikan formal setakat sekolah rendah, 27 orang (7.7%) berpendidikan SRP/PMR, 96 orang (27.4%) berpendidikan SPM, 26 orang (7.4%) berpendidikan STPM, 83 orang (23.7%) berpendidikan tahap Diploma, 84 orang (24.0%) memiliki Ijazah Sarjana Muda, 14 orang (4.0%) berkelulusan Ijazah Sarjana dan seorang (0.3%) daripada mereka merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah. Merujuk kepada tahap pendidikan formal pengajian Islam pula, 5 orang (1.4%) daripada mereka tiada pendidikan formal pengajian Islam, 17 orang (4.9%) berpendidikan sekolah rendah, 21 orang (6.0%) peserta mendapat pendidikan SRP/PMR, 83 orang (23.7%) mendapat pendidikan peringkat SPM, 19 orang (5.4%) peserta mendapat pendidikan tahap SMU, 24 orang (6.9%) peserta berpendidikan STAM, 41 orang (11.7%) mendapat pendidikan Empat Thanawi, 11 orang (3.1%) mempunyai Sijil Tahfiz, 44 orang (12.6%) berpendidikan peringkat Diploma, 76 orang (21.7%) berpendidikan Ijazah Sarjana Muda manakala seramai 9 orang (2.6%) mendapat pendidikan formal Pengajian Islam ke peringkat Ijazah Sarjana.

Akhir sekali, dari segi pengalaman berkhidmat sebelum menghadiri latihan Manual Islam dan HIV/AIDS ini, Jadual 3 menunjukkan seramai 128 orang peserta (36.6%) berpengalaman selama 1 hingga 5 tahun, 72 orang (20.6%) berpengalaman selama 6 hingga 10 tahun, 62 orang (17.7%) mempunyai pengalaman selama 11 hingga

15 tahun, 29 orang (8.3%) mempunyai pengalaman selama 15 hingga 20 tahun, seramai 25 orang (7.1%) ber pengalaman selama 20 hingga 25 tahun dan seramai 34 orang (9.7%) telah berkhidmat melebihi 25 tahun.

Penilaian Tahap Pembelajaran Peserta

a. Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

Jadual 4 Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada kandungan program

Bil	Item	STM	TM	S	M	SM
1	Modul 1 : HIV/AIDS : F engenalan Asas	-	1 (0.3)	29 (8.3)	209 (59.7)	111 (31.7)
2	Modul 2 : Fakta dan perangkaan HIV/AIDS	-	2 (0.6)	34 (9.7)	196 (56.0)	118 (33.7)
3	Modul 3 : Pencegahan	-	2 (0.6)	39 (11.1)	193 (55.1)	116 (33.1)
4	Modul 4 : Sokong bantu dan rawatan	-	2 (0.6)	40 (11.4)	190 (54.3)	118 (33.7)
5	Modul 5 : Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi	-	4 (1.1)	44 (12.6)	185 (52.9)	117 (33.4)
6	Modul 6 : Tugas dan tanggungjawab umat Islam di dalam memerangi HIV/AIDS	1 (0.3)	3 (0.9)	41 (11.7)	178 (50.9)	127 (36.3)
7	Modul 7 : Pengurusan jenazah	2 (0.6)	13 (3.7)	29 (8.3)	196 (56.0)	110 (31.4)
8	Modul 8 : Pelan Tindakan	-	5 (1.4)	33 (9.4)	219 (62.6)	93 (26.6)

Sumber Soal selidik 2013

Dapatan kajian mengenai item Modul 1 (HIV/AIDS : Pengenalan Asas) menunjukkan seorang peserta (0.3%) menyatakan modul tersebut tidak memuaskan, 29 orang peserta (8.3%) menyatakan ia adalah sederhana, 209 orang peserta (59.7%) memberi respon memuaskan dan 111 orang peserta (31.7%) pula menilaikannya sangat memuaskan. Bagi item Modul 2 (Fakta Dan Perangkaan HIV/AIDS) seramai 2 orang peserta (0.6%) menyatakan ianya tidak memuaskan, 34 orang peserta (9.7%) menyatakan sederhana, 196 orang peserta (56.0%) menyatakan memuaskan dan 118 orang peserta (33.7%) menyatakan ianya sangat memuaskan.

Penilaian yang dibuat ke atas Modul 3 (Pencegahan) pula memperlihatkan seramai 2 orang peserta (0.6%) menyatakan ianya tidak memuaskan, 39 orang peserta (11.1%) menyatakan sederhana, 193 orang peserta (55.1%) menyatakan memuaskan dan 116 orang peserta (33.1%) menilainya sebagai sangat memuaskan. Item Modul 4 (Sokong bantu dan rawatan) dinilai sebagai tidak memuaskan oleh 2 orang peserta (0.6%), dinilai sederhana oleh 40 orang peserta (11.4%), pada tahap memuaskan mengikut penilaian majoriti iaitu 190 orang peserta (54.3%) dan diberi penilaian sangat memuaskan oleh 118 orang peserta (33.7%).

Seramai 4 orang peserta (1.1%) menyatakan bahawa item Modul 5: Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi tidak memuaskan, 44 orang peserta (12.6%) menyatakan ianya tahap sederhana, 185 orang peserta (52.9%) menyatakan memuaskan dan 117 orang (33.4%) memberi maklum balas bahawa ianya sangat memuaskan. Peserta turut menilai item Modul 6 (Tugas dan tanggungjawab umat Islam) di dalam memerangi HIV/AIDS dan dapatan menunjukkan seorang daripada mereka

(0.3%) menyatakan ianya sangat tidak memuaskan, 3 orang peserta (0.9%) menyatakan tidak memuaskan, 41 orang peserta (11.7%) menyatakan sederhana, 178 orang peserta (50.9%) menyatakan memuaskan dan 127 orang peserta (36.3%) memberi respon ianya sangat memuaskan.

Bagi item Modul 7 (Pengurusan Jenazah) pula, seramai 2 orang peserta (0.6%) menyatakan ia sangat tidak memuaskan, 13 orang peserta (3.7%) menyatakan tidak memuaskan, 29 orang peserta (8.3%) menyatakan sederhana, 196 orang (56.0%) menyatakan memuaskan dan 110 orang peserta (31.4%) mempunyai persepsi bahawa ianya sangat memuaskan. Seterusnya item Modul 8 (Pelan Tindakan) dinyatakan sebagai tidak memuaskan oleh 5 orang peserta (1.4%), sekadar sederhana pada penilaian 33 orang peserta (9.4%), dianggap memuaskan oleh 219 orang peserta (62.6%) dan sangat memuaskan oleh 93 orang peserta (26.6%).

Skor min, sisihan piawai dan interpretasi julat skor min bagi penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperolehi daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dipaparkan dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5 Skor Min, Sisihan Piawaian dan Interpretasi Kandungan Program

No	Kandungan Program	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Modul 1 : HIV/AIDS : Pengenalan asas	4.23	0.60	Sangat Tinggi
2	Modul 2: Fakta dan perangkaan HIV/AIDS	4.23	0.64	Sangat Tinggi
3	Modul 3: Pencegahan	4.21	0.65	Sangat Tinggi
4	Modul 4: Sokong bantu dan rawatan	4.21	0.66	Sangat Tinggi
5	Modul 5: Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi	4.19	0.69	Tinggi
6	Modul 6: Tugas dan tanggungjawab umat Islam di dalam memerangi HIV/AIDS	4.22	0.70	Sangat Tinggi
7	Modul 7 : Pengurusan jenazah	4.14	0.76	Tinggi
8	Modul 8 : Pelan Tindakan	4.14	0.63	Tinggi
Keseluruhan		4.20	0.50	Tinggi

Sumber Soal selidik, 2013

Secara keseluruhan, penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperolehi daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS adalah berada pada tahap tinggi (min=4.20 dan sisihan piawaian=0.50). Analisis ke atas kelapan item tersebut menghasilkan nilai purata skor antara 4.14 (tinggi) hingga 4.23 (sangat tinggi). Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Modul 1 (HIV/AIDS : pengenalan asas) iaitu (min = 4.23 dan sisihan piawaian = 0.60) berada pada tahap sangat tinggi dan item Modul 2: Fakta dan perangkaan HIV/AIDS (min = 4.23 dan sisihan piawaian = 0.64) berada pada tahap sangat tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Modul 7 : Pengurusan Jenazah (min = 4.14 dan sisihan piawaian = 0.76) berada pada tahap tinggi dan item modul 8 : Pelan Tindakan (min = 4.14 dan sisihan piawaian = 0.63) namun masih berada pada tahap tinggi.

Dapatan yang diperolehi ini digunakan untuk menjelaskan objektif pertama iaitu menentukan tahap pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperolehi daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS.

b. Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

Jadual 6 Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada temu seru program

No	Item	STS	TS	TP	S	SS
1	Bimbingan yang diberikan oleh fasilitator mencukupi	-	6 (1.7%)	31 (8.9%)	248 (70.9%)	65 (18.6%)
2	Objektif-objektif yang ditetapkan tercapai	-	7 (2.0%)	53 (15.1%)	223 (63.7%)	67 (19.1%)
3	Relevan dengan tugas sebagai agamawan / pendakwah / peranan dalam masyarakat	-	-	19 (5.4%)	225 (64.3%)	106 (30.3%)
4	Meningkatkan kemampuan memindahkan pengetahuan dan kemahiran dalam teori dan bentuk amali	1 (0.3%)	3 (0.9%)	24 (6.9%)	229 (65.4%)	93 (26.6%)
5	Minat untuk menjalankan program outreach di tempat saya meningkat	-	2 (0.6%)	51 (14.6%)	207 (59.1%)	90 (25.7%)
6	Keyakinan untuk menjalankan program outreach di tempat saya meningkat	-	5 (1.4%)	56 (16.0%)	208 (59.4%)	81 (23.1%)

Sumber Soal selidik, 2013

Dapatan kajian mengenai item 1 iaitu "bimbingan yang diberikan oleh fasilitator mencukupi" menunjukkan 6 orang peserta (1.7%) menyatakan tidak setuju, 31 orang peserta (8.9%) menyatakan tidak pasti, 248 orang peserta (70.9%) menyatakan setuju dan 65 orang peserta (18.6%) pula menyatakan sangat setuju. Bagi item 2 ("objektif-objektif yang ditetapkan tercapai") seramai 7 orang peserta (2.0%) menyatakan tidak setuju, 53 orang peserta (15.1%) menyatakan tidak pasti, 223 orang peserta (63.7%) menyatakan setuju dan 67 orang peserta (19.1%) menyatakan sangat setuju.

Seramai 19 orang peserta (5.4%) menyatakan tidak pasti, 225 orang peserta (64.3%) bersetuju dan 106 orang peserta (30.3%) menyatakan sangat setuju terhadap item 3 iaitu "relevan dengan tugas sebagai agamawan / pendakwah / peranan dalam masyarakat". Manakala respon terhadap item 4 iaitu "meningkatkan kemampuan memindahkan pengetahuan dan kemahiran dalam teori dan bentuk amali" menunjukkan seorang peserta (0.3%) menyatakan sangat tidak setuju, 3 orang peserta (0.9%) menyatakan tidak setuju, oleh 24 orang peserta (6.9%) menyatakan mereka tidak pasti, sejumlah besar iaitu 229 orang peserta (65.4%) memilih skala setuju dan selebihnya 93 orang peserta (26.6%) memberi maklum balas sangat setuju.

Bagi penilaian item 5 iaitu "minat untuk menjalankan program outreach di tempat saya meningkat", 2 orang peserta (0.6%) memberi respon tidak setuju, 51 orang peserta (14.6%) menyatakan tidak pasti, 207 orang (59.1%) iaitu sebahagian besar daripada peserta menyatakan setuju manakala 90 orang yang lain (27.4%) memilih jawapan sangat setuju. Sampel kajian dari kalangan peserta program turut menilai item 6 ("keyakinan untuk menjalankan program outreach di tempat saya meningkat") 5 orang daripada mereka (1.4%) menyatakan tidak setuju, 56 orang (16.0%) menyatakan tidak pasti, 208 orang (59.4%) menyatakan setuju dan 81 orang peserta (23.1%) menyatakan sangat setuju. Skor min, sisihan piawai dan interpretasi julat skor min bagi penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dipaparkan dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 7 Skor Min, Sisihan Piawaian dan Interpretasi Temu Seru Program

No	Temu Seru program	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Bimbingan yang diberikan oleh fasilitator mencukupi	4.06	0.58	Tinggi
2	Objektif-objektif yang ditetapkan tercapai	4.00	0.65	Tinggi
3	Relevan dengan tugas sebagai gamawan / pendakwah / peranan dalam masyarakat	4.25	0.54	Sangat Tinggi
4	Meningkatkan kemampuan memindahkan pengetahuan dan kemahiran dalam teori dan bentuk amali	4.17	0.61	Tinggi
5	Minat untuk menjalankan program <i>outreach</i> di tempat saya meningkat	4.10	0.65	Tinggi
6	Keyakinan untuk menjalankan program <i>outreach</i> di tempat saya meningkat	4.04	0.67	Tinggi
Keseluruhan		4.10	0.47	Tinggi

Sumber Soal selidik, 2013


Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi dengan sisihan piawaian 0.47. Analisis ke atas keenam-enam item tersebut menghasilkan nilai purata skor antara 4.00 (tinggi) hingga 4.25 (sangat tinggi). Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah item 3 (min=4.25 dan sisihan piawaian 0.54) iaitu berada pada tahap interpretasi sangat tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah item 2 (min=4.00 dan sisihan piawaian =0.65) namun masih berada pada tahap interpretasi tinggi.

Dapatan yang diperoleh ini digunakan untuk menjelaskan objektif kajian yang kedua iaitu menentukan tahap pembelajaran peserta berkenaan maklumat yang diperoleh daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Secara ringkasan, tahap penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS berkenaan maklumat yang diperoleh daripada kandungan program dan temu seru dirumuskan seperti Jadual 8 berikut :

Jadual 8 Tahap penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

No	Penilaian pembelajaran	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Maklumat yang diperoleh daripada kandungan program	4.20	0.50	Tinggi
2	Maklumat yang diperoleh daripada temu seru	4.10	0.47	Tinggi
Keseluruhan		4.16	0.44	Tinggi

Jadual 8 menunjukkan secara keseluruhannya, penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS berada pada tahap tinggi iaitu min = 4.16 dan sisihan piawaian = 0.44. Penilaian terhadap kandungan program mempunyai min dan sisihan piawaian yang lebih tinggi (min = 4.20 dan sisihan piawaian = 0.50) berbanding penilaian terhadap temu seru program (min = 4.10 dan sisihan piawaian = 0.47). Rajah 1 di bawah mempamerkan dapatan kajian ini secara lebih jelas.



Rajah 1 Skor Min Penilaian Pembelajaran Peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa pembelajaran melalui suatu kurikulum atau modul khusus adalah lebih efektif (Wan Azmi 2001) apatah lagi jika manual latihan disediakan dalam bentuk dokumen bercetak untuk digunakan sebagai rujukan dalam latihan formal (Norhasni 2014). Kelebihannya adalah, peserta boleh menggunakan manual latihan untuk mengakses maklumat pada bila-bila masa sama ada semasa latihan atau selepas latihan di samping membolehkan pelatih menguasai maklumat mengikut keupayaan atau keselesaan mereka sendiri.

Merujuk kepada skop kajian ini, salah faham dan tanggapan negatif terhadap HIV (*Human Immunodeficiency Virus*) dan AIDS (*Acquired Immunodeficiency Syndrome*) sememangnya boleh mengundang stigma dan diskriminasi terhadap Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA). Maka Manual Islam dan HIV/AIDS yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini merupakan wadah ilmu yang sangat bermanfaat kepada umat Islam sebagai sumber informasi khususnya kepada barisan kepimpinan Islam dalam menangani permasalahan HIV/AIDS. Penerbitan Manual ini dapat memberi pengetahuan, kefahaman serta kemahiran baru kepada Pegawai Agama dan secara tidak langsung mengikis stigma dan mengubah persepsi negatif terhadap kumpulan ODHA yang terpinggir dan dahagakan bimbingan kerohanian dan bantuan kebajikan. Berpandukan manual ini juga, peserta program boleh mendapat maklumat tepat secara langsung daripada penceramah jemputan bagi setiap modul Mereka terdiri daripada pakar perubatan, aktivis Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan isu HIV/AIDS dan juga golongan agamawan

Program *outreach* merupakan antara cara yang berkesan untuk mendekati ODHA bagi memantapkan khidmat sokongan (Latkin 1998). Pembelajaran yang diperolehi melalui pengalaman seperti melaksanakan aktiviti praktikal temu seru (*outreach*) dalam program latihan Manual Islam dan HIV/AIDS ini dilatih oleh para fasilitator yang mahir dengan kerja-kerja temu seru dan kesukarelawanan. Pengetahuan mengenai situasi sebenar di lapangan dan isu-isu yang berkaitan ODHA perlu digarap secara mendalam. Latar belakang dan permasalahan kumpulan sasar perlu difahami dengan menimbangkan isu-isu yang berkaitan agar menghasilkan komunikasi yang berkesan. Ringkasnya, aktiviti praktikal temu seru (*outreach*) dalam Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS ini menyediakan latihan bagi mempersiapkan diri sukarelawan khususnya pemimpin Islam supaya berperanan secara proaktif dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi oleh peserta adalah latihan untuk melaksanakan *outreach* memerlukan jangka masa yang lama bagi meningkatkan kemahiran berinteraksi dengan ODHA ataupun yang berisiko mendapat jangkitan HIV/AIDS.

Terma dan istilah berkaitan dengan HIV/AIDS sangat penting untuk dipelajari bagi memudahkan proses pembelajaran. Sehubungan itu, Pegawai Agama perlu sentiasa mempertingkatkan ilmu melalui pembacaan dan mengikuti perkembangan semasa mengenai HIV/AIDS di samping mengikuti latihan-latihan yang berkaitan kesukarelawanan bagi memantapkan lagi kemahiran mendekati ODHA. Pegawai Agama juga perlu mempunyai semangat sedia berkhidmat, ikhlas, komited dan kerja berpasukan dalam melaksanakan aktiviti ini. Selain itu, mereka juga perlu sentiasa berhubung dengan tempat-tempat rujukan seperti hospital, klinik pakar, pusat bantuan guaman, badan bukan kerajaan, rumah-rumah perlindungan dan pusat komuniti untuk memudahkan pengurusan gerak kerja menjalankan *outreach* kepada ODHA (Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia 2013).

KESIMPULAN

Proses pembelajaran berlaku sepanjang masa melalui pelbagai kaedah dan sumber seperti mana saranan ajaran Islam sendiri yang amat menekankan pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran yang diperoleh melalui program latihan dikenal pasti sangat penting dan mampu mengubah stigma yang mungkin wujud dalam kalangan masyarakat khususnya Pegawai Agama yang mengakibatkan berlakunya diskriminasi terhadap ODHA, di samping membuka lembaran dimensi bagi menggalakkan lagi usaha dakwah kepada golongan ODHA.

Program latihan ini akan lebih berjaya dan bermakna sekiranya ia dapat mengubah persepsi serta tingkah laku peserta ke arah yang lebih positif. Justeru, bagi memastikan peserta mendapat manfaat yang maksimum daripada program latihan yang disertai, maka adalah penting pihak JAKIM untuk mengendalikannya. Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS yang dapat menyediakan informasi lengkap, tepat dan terkini agar mampu mencapai objektif penggubalannya. Seiring dengan itu, inisiatif dan komitmen yang padu dalam kalangan Pegawai Agama yang telah dilatih amatlah diperlukan dalam menggerakkan usaha dakwah secara proaktif agar segala yang dipelajari dapat diaplikasikan seoptimumnya. Sehubungan dengan itu juga, kajian dan penilaian berterusan terhadap pengisian program latihan ini perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya penambahbaikan dapat dilakukan bagi memenuhi keperluan dan menepati kesesuaian.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. 2002. *Pengurusan Sumber Manusia: Konsep, Isu Dan Pelaksanaan*. Malaysia: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar Haji Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Ahmad Irdha Mokhtar & Zulkefli Aini, 2015, Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Kursus dan Latihan yang Ditawarkan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS), *Sains Humanika* 6(1):1-8.
- Alias Baba, 1999, *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Sains Sosial*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brown, T., (2002), *The HIV/AIDS Epidemic in Asia*. Asia-Pacific Population & Policy, East-West Center, Research Program Population and Health Studies, Honolulu, USA.
- Fatan Hamamah Yahaya, (2005), HIV Dan AIDS Dalam Konteks Epidemiologi Sosial: Kajian Kes Di Lembah Kelang. Tesis Dr. Fal, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ibrahim Mamat, 2001, *Reka Bentuk Dan Pengurusan Latihan : Konsep Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ikizoglu, M. 2005. HIV/AIDS, Discrimination and Human Rights. *HIV & AIDS Review* 4 (4): 23.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2009), *Manual Islam Dan HIV/AIDS*, Subang Jaya: OMR Press Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2009), *Manual Sukarelawan Sosial Islam*, ttp: t.pt
- Kamaruzaman Moidunny, (2009), Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Keperolehan Kebangsaan (NPQH), Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruzaman Moidunny, Norasmah Othman dan Siti Ragayah Ariffin, (2012), Penilaian Pembelajaran Peserta Program Kelayakan Profesional Keperolehan Kebangsaan, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1)
- Kementerian Kesihatan Malaysia, (2015), HIV and AIDS in Malaysia, International Conference on Islam & HIV/AIDS, Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 17 Oktober.
- Krejcie, R. V., dan Morgan, D. W. (1970) Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3),607-610.
- Kirkpatrick,D.L., (1987), *Evaluating Training Programs : A Collection of Articles From Training and Development Journal*, USA : American Society For Training And Development.
- Latkin, C.A, (1998), Outreach in Natural Settings: The Use of Peer Leaders for HIV Prevention among Injecting Drug Users Network, *Public Health Reports*, 113(1), 151-159.
- Malaysia AIDS Council & Malaysia AIDS Foundation, (2013) *Annual Report Malaysian AIDS Council And Malaysian AIDS Foundation*, Kuala Lumpur : MAC & MAF.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar, (1999), *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Wahid, (2012), Perkongsian Pengalaman : Komuniti PLHIV, Islam And HIV/AIDS International Conference 2012, Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 19-21 November.
- Norhasni Zainal Abidin, (2014), *Reka Bentuk Metodologi dan Penilaian Latihan*, Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit, (2011), *Pengurusan Modal Insan Dari Perspektif Islam*, Bangi: Penerbit UKM.
- Rozina Rahmana, (2009), Knowledge, Attitudes and Practices Related to HIV/AIDS among Students in UPM, Tesis Master, Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia.
- Rusli Nordin et al, (1997), *AIDS Suatu Pendekatan Bersepadu Di Malaysia* Selangor Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sulaiman Osman, Latifah Amin & Khairul Anuar Mastor, (2010), Kajian Keberkesanan Pembelajaran Kesihatan Mengenai HIV/AIDS Di Kalangan Pelajar UKM Bangi, Kongres Pembelajaran dan Pembelajaran UKM, Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surgevil, O. & Akyol, E. M. (2011), Discrimination against People Living with HIV/AIDS in the Workplace: Turkey Context, *Equality Diversity and Inclusion : An International Journal* 30(6): 463-481.
- Tham Jen Sern & Hasmah Zainuddin, (2014), Affirmative Religious Response Culture to HIV and AIDS : Understanding the Public Relations Role of JAKIM in Curbing the Epidemic among Young Muslim Couples in Malaysia, *Asian Social Science*, Vol 10 (13) : 1-8.
- Wan Azmi Ramli, (2001), *Pengurusan Terkini: Terunggul Dan Paling Laris Dalam Era IT*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.

Biodata Pengarang:

1. **Hazlin Kadir @ Shahar**
Kebangsaan Malaysia, Malaysia
e-mel: haz_sha@yahoo.com
2. **Razaleigh Muhamat@Kawangit**
Kebangsaan Malaysia, Malaysia
e-mel: raza@ukm.edu.my
3. **Rosmawati Mohamad Rasit**
Kebangsaan Malaysia, Malaysia
e-mel: rosmawati@ukm.edu.my
4. **Badlisham Mohd Nasir**
Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
badlisham@utm.my